



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

**TEKS ASPIRASI  
KETUA PENGARAH PENDIDIKAN POLITEKNIK  
DAN KOLEJ KOMUNITI  
TAHUN 2024**

**YBRS. DR. HAJI MOHD ZAHARI BIN ISMAIL  
KETUA PENGARAH  
PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**TARIKH/ MASA:**

**23 JANUARI 2024 (SELASA)  
08.30 PAGI**

**TEMPAT:**

**DEWAN JUBLI PERAK  
POLITEKNIK KOTA BHARU, KELANTAN**

Terima kasih saudara/ saudari pengacara majlis iaitu:

1. Encik Mohd Satar bin Ab Ghani
2. Puan Fauziah binti Hamdan

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam  
Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

### **SALUTASI**

1. **Yang Berusaha Barisan Pengurusan Tertinggi**  
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti;
2. **YBrs. Gs. Sr. Haji Mohd Fikri bin Ismail**  
Pengarah Politeknik Kota Bharu  
Selaku Penganjur Bersama Majlis Aspirasi  
Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti  
Tahun 2024;
3. Pengarah-pengarah bahagian;
4. Pengarah-pengarah politeknik dan kolej komuniti;
5. Timbalan-timbalan pengarah;

6. Mantan-mantan Pengarah dan Pegawai POLYCC Zon Kelantan Terengganu;

- Tuan Haji Noor Azahan bin Othman
- Tuan Haji Abd Razak bin Sadli
- Dr. Haji Zairon bin Mustapha
- Tuan Haji Wan Azlan bin Wan Ismail
- Tuan Haji Che Mohd Ariff bin Che Mohd Noor
- Tuan Haji Zainuddin bin Omar
- Ts. Haji Ali bin Mamat
- Tuan Haji Hassan bin Ismail
- Tuan Haji Mohd Pauzi bin Ibrahim

7. Timbalan-timbalan Pengarah;  
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti;

8. Ahli-ahli PUSPANITA Politeknik dan Kolej Komuniti;

9. Barisan Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti yang turut hadir pada pagi ini;

10. Rakan media;

11. Seterusnya Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin warga politeknik dan kolej komuniti yang dikasihi sekalian.

## **PEMBUKA BICARA**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

***“Graduan kualiti amanah kami, pensyarah kompeten ‘izzah kami, POLYCC wadah kami, memacu destinasi Malaysia MADANI”***

Tuan-tuan dan Puan-puan,

1. Alhamdulillah, dengan penuh rasa syukur dan takzim, saya berasa amat gembira pada hari yang bermakna ini kerana dapat bersama warga politeknik dan kolej komuniti di Dewan Jubli Perak, Politeknik Kota Bharu (PKB), Kelantan.
2. Kehadiran warga yang begitu ramai di dewan ini malah saya difahamkan sebahagian besar warga politeknik dan kolej komuniti seluruh Malaysia turut serta menghadiri majlis ini secara maya untuk mendengar rencana saya bagi tahun 2024.

3. Sebagai mukadimah pembuka bicara, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada warga Politeknik Kota Bharu (PKB) selaku penganjur bersama Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan semua pihak yang memberikan komitmen untuk menjayakan majlis yang bermakna ini.
4. Penganjuran majlis berprestij adalah penzahiran *wehdatul fikr dan wehdatul amal* ke arah kesatuan hati dan tindakan antara kita semua. Syabas saya ucapkan!

Hadirin warga POLYCC yang dikasihi sekalian,

5. Helaian lembaran kehidupan kita beranjak setahun lagi. Di kesempatan ini, tidak terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2024 kepada seluruh warga POLYCC di Malaysia.
6. Semoga kemunculan tahun 2024 ini menjadi lembaran baharu untuk kehidupan yang lebih baik dan cemerlang serta membawa sinar baharu buat kita semua. Insya-Allah!

## SEKALUNG PENGHARGAAN

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,

7. *Jikalau ada lenggundi pahit,  
Belanga baharu saya jerangkan;  
Jikalau ada budi yang baik,  
Menjadi abu saya kenangkan.*
8. Saya ingin merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada warga POLYCC yang telah menamatkan perkhidmatan dengan prestasi cemerlang.
9. Saya dimaklumkan seramai **206 orang** warga POLYCC telah menamatkan perkhidmatan pada tahun 2023.
10. Saya percaya setiap sumbangan dan jasa keilmuan Tuan-tuan dan Puan-puan sepanjang tempoh perkhidmatan telah memberi pelbagai manfaat kepada sistem pendidikan tinggi negara ini. Selamat bersara saya ucapkan. Jazakumullahu khairan.
11. Semoga kesihatan dan keceriaan menghiasi alam persaraan Tuan-tuan dan Puan-puan. Sumbangan anda sangat bernilai dan sudah semestinya tiada galang gantinya.

12. Persaraan warga POLYCC pada tahun 2023 sudah pasti kita rasai kehilangannya. *“Jasamu dikenang, budimu tak terbilang, semangatmu dijulang dan kepimpinanmu gemilang”*.

## **BELASUNGKAWA**

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

13. Pada tahun lalu juga kita turut berdukacita dengan kehilangan sebilangan warga politeknik dan kolej komuniti iaitu seramai **46 orang**.
14. Saya mewakili seluruh warga POLYCC ingin menyampaikan salam takziah kepada ahli keluarga warga kita yang telah meninggal dunia dan dijemput pulang ke rahmatullah.
15. Semoga Yang Maha Esa mengurniakan kedamaian di tempat terindah Jannatul Firdaus di alam sana. Amin Ya Rabbal A'lamin.

Tuan-tuan dan Puan-puan warga POLYCC yang dikasihi sekalian,

## **PENCAPAIAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI TAHUN 2023**

16. Ibarat pepatah Melayu *“Yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang”*. Lembaran tahun 2023 menyaksikan pelbagai kecemerlangan politeknik dan kolej komuniti dilakar dalam pelbagai lapangan.
17. Berbekalkan sokongan penuh kerajaan, kementerian, agensi, pemegang taruh dan masyarakat, kita berupaya mencipta kejayaan dengan labanya untuk manfaat tanah air yang kita cintai.
18. **Warga kerja POLYCC hari ini dengan kekuatan seramai 14 ribu orang menjadi tunjang bagi 36 politeknik dan 105 kolej komuniti** di seluruh Malaysia. Sesungguhnya apa yang kita kecapai sehingga hari ini adalah usaha dan kerja keras bersama.
19. Kita mempunyai **satu matlamat utama** iaitu untuk melihat kejayaan anak bangsa menimba **ilmu kemahiran yang selayaknya** supaya mereka **mendapat tempat di**



**industri atau lahir sebagai *Technopreneurs*.**

20. Alhamdulillah, seiring usia 55 tahun penubuhan politeknik dalam sistem pendidikan tinggi tanah air, POLYCC telah **menghasilkan hampir 900,000 graduan TVET** yang telah menyumbang khidmat dan bakti kepada negara.

### **Menjulangi Potensi dan Daya Saing Pelajar POLYCC**

Warga POLYCC yang saya hormati,

21. Usaha melahirkan pelajar berswadaya memerlukan saling hubung, sokongan serta kepercayaan banyak pihak terhadap sistem kita.
22. Justeru, kita telah terjemahkan melalui kebolehpasaran graduan TVET POLYCC yang mencatat melebihi **95 peratus** untuk tiga (3) tahun berturut-turut iaitu 2021-2023.
23. Statistik ini merupakan satu pencapaian besar kerana kita masih mampu mengekalkan peratus kebolehpasaran graduan nasional dalam kelompok tertinggi berbanding institusi TVET di 12 kementerian lain yang bernaung di bawah Majlis TVET Negara (MTVET).

24. Saya yakin, melalui **pembentukan pelajar holistik** iaitu melalui program keusahawanan antaranya melalui *Young SocialPreneur Programme, Unipreneur 3.0/Program Keusahawanan POLYCC* dengan Bank Rakyat, Program *New Breed Marketing Entrepreneur (NBME)* dengan FAMA menggilap lebih ramai bakat usahawan pelajar POLYCC. Seramai **2,000 orang pelajar berjaya menamatkan program latihan ini.**
25. Tahniah dan syabas diucapkan buat anak-anak didik kita yang mengharumkan nama politeknik dan kolej komuniti di persada kebangsaan dan antarabangsa. Tepukan gemuruh buat;
- i) **Saudara Che Safara bin Che Harun** dari Kolej Komuniti Baling menjuarai **Pingat Emas *Patisserie and Confectionery*** di Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri (MATEPM) Anugerah Tokoh Mahir (ATM) 2023;
  - ii) **Saudara Ameer Shah Abdul Halim Shah** dari Politeknik Muadzam Shah (PMS) merangkul **Pingat “*Medallion for Excellence*”** di Pertandingan ***WorldSkills ASEAN Singapore 2023***;

- iii) **Saudari Nur Amiratul Farahin binti Ab. Rahman** dari Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) meraih **Silver Medal** bidang *Painting & Waste Reuse* dalam **10th International Abilympics France 2023**; dan
  - iv) **Saudara Muhammad Fikri bin Kamaruzaman** dari Kolej Komuniti Chenderoh pemenang **pingat emas** acara **individu** masakan **San Remo Pasta Challenge (Junior Chef)** menewaskan peserta-peserta lain yang terdiri daripada negara Thailand, Taiwan, Malaysia dan Indonesia di **The 5th La Cuisine Competition Interfood Indonesia 2023**.
26. Dalam arena sukan pula, tidak kurang hebatnya, setinggi-tinggi tahniah kepada **Saudara Kabilan Jelevan Thiagarajan** dari Kolej Komuniti Hulu Langat, atlet Muay Thai Malaysia memenangi pertandingan menerusi **“technical knockout”** (TKO) dalam **ONE Championship** di Bangkok, Thailand.
27. Syabas dan tahniah atas komitmen dan usaha gigih warga POLYCC dalam melakar pelbagai kejayaan! Anda semua wajar dihargai.

## Memacu Governan POLYCC Lebih Terarah

Tuan-tuan dan Puan-puan,

28. Sesungguhnya dalam merencana agenda kementerian memerlukan perubahan yang bingkas dan jelas.
29. Dengan itu, komitmen dan kesungguhan dalam mengangkat martabat POLYCC telah dizahirkan melalui **Dokumen Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030** yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi pada 4 Disember 2023 yang lalu.
30. Sebanyak **13 Agenda Pembaharuan Kritikal (CRA)** dibangunkan melalui pelbagai proses libat urus dengan banyak pihak untuk mendukung cita-cita besar negara.
31. Alhamdulillah, agenda ini mendapat sokongan penuh daripada pemegang taruh. Harapan saya agar Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030 tersebut menjadi kompas untuk kita merubah ekosistem TVET kepada fasa yang lebih baik.

32. Seterusnya, pihak jabatan telah memulakan langkah pada pertengahan tahun lepas untuk memperkasa ekosistem TVET POLYCC yang unggul dan berdaya saing.
33. Maka, rancangan menaik taraf Politeknik Ungku Omar (PUO) sebagai Politeknik APEX telah dipersetujui oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi.
34. **Dua (2) fokus** utama penaiktarafan ialah yang **pertama**, menawarkan pelbagai program lebih *advanced* dan kompetitif. **Kedua**, peningkatan komposisi program ijazah sehingga **50 peratus**.
35. Ke arah usaha itu, antara perkara yang akan diberi penekanan adalah penstrukturan organisasi baharu, pelaksanaan Program IJSM, *Digital TVET Ecosystem*, pembangunan *AI Machine Engineering Lab* dan *Institute of Marine Engineering and Technology*.
36. Kesemua ini disusun ke arah mengembang nilai Politeknik APEX menjadi sebuah institut teknologi yang dirujuk dan dihormati sebagaimana Institut Teknologi Bandung (ITB), Indonesia. Insya-Allah.

## **Pencapaian Program Pengajian POLYCC Anjal dan Fleksibel (*TVET for All*)**

Warga POLYCC yang saya hormati,

37. Dalam mengurus isu kekurangan minat terhadap pendidikan tinggi termasuk bidang TVET, adalah tanggungjawab kita bersama untuk memastikan akses kepada pengajian politeknik dan kolej komuniti diperkemas dan diperluas.
38. Dengan itu, konsep TVET POLYCC untuk semua merupakan **pendekatan tambah baik** akses bidang TVET merangkumi kepelbagaian kumpulan sasaran.
39. Justeru, **dua (2) Pencapaian Program Pengajian 2023** memacu dimensi baharu program pengajian POLYCC.
40. **Pertama, Penawaran Program Asasi TVET** diperkenalkan di **lima (5) buah politeknik** yang menjadi perintis menerima **500 orang pelajar**. Program Asasi TVET adalah merupakan program sulung dalam sejarah sistem pendidikan Malaysia.

41. Istimewanya program ini merupakan persediaan khusus bagi pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) selama setahun sebelum mereka menyambung pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda di Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN).
42. Insya-Allah, dalam menyahut agenda perluasan akses pendidikan TVET negara, JPPKK akan membuka peluang sebanyak **1,000 tempat** pada tahun ini. Bahkan, laluan pengajian mereka diperluaskan ke Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL).
43. **Kedua** adalah **Inisiatif Program Gagal Lulus SPM (GALUS)** merupakan inisiatif memperluas akses pendidikan kepada golongan yang tidak mempunyai kelayakan untuk melanjutkan pengajian sama ada di peringkat sijil atau diploma.
44. Untuk makluman, **pengambilan Fasa 1 pelajar GALUS** akan bermula pada tahun ini dan dilaksanakan di **tiga (3)** buah Kolej Komuniti iaitu:
  - i) Kolej Komuniti Pasir Gudang;
  - ii) Kolej Komuniti Bandar Penawar; dan
  - iii) Kolej Komuniti Pagoh.

45. Uniknya, **Program GALUS** ini ditawarkan melalui inisiatif ***Microcredentials (MC)***. Walaupun mereka tidak mempunyai kelayakan masuk, tetapi masih berpeluang mendapat sijil yang diiktiraf oleh pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

### **Pencapaian Warga Kerja dan Akademia POLYCC Pemacu Keunggulan TVET**

Warga POLYCC yang saya hargai,

46. Kemenjadian graduan TVET POLYCC adalah sebahagian besarnya secara tidak langsung dicorak oleh para **Akademia POLYCC** yang memiliki karakteristik *agile and passion*.
47. Sesungguhnya, saya tidak menafikan, perkembangan pesat teknologi dan persekitaran pendidikan global telah banyak merubah landskap pendidikan tinggi nasional termasuk TVET.
48. Namun, dalam persekitaran yang mencabar dan di luar jangka, saya berbangga kerana saudara saudari tidak tewas untuk terus berjuang memberi yang terbaik untuk sistem institusi TVET POLYCC.



49. Budaya kerja warga POLYCC yang *multitasking* bukan sahaja dapat melaksanakan tugas hakiki dengan cemerlang, malah tugas sampingan disempurnakan sebaiknya serta penerokaan ilmu baharu yang tidak dikesampingkan.
50. Ini dibuktikan Akademia POLYCC berupaya menempa nama di persada nasional dan antarabangsa antaranya;
- i) **Cik Nur Diyana Mohd Suhaimi**, dianugerahkan “***A Very Good Award for Oral Presentation***” di **Majlis *The 2nd National and International Conference on Research and Innovation*** di Thailand;
  - ii) **Puan Khairul Ashikhin Abdullah Suhaimi**, Pensyarah Program Kulineri, Kolej Komuniti Chenderoh telah dipilih sebagai **Duta Malaysia Lambassador 2023**.
  - iii) **YBrs. Dr. Norashady bin Mohd Noor**, Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) di atas pengiktirafan **Tokoh Bahasa Melayu Sektor Teknikal 2023**;

iv) **Aplikasi IHFAZ yang dibangunkan oleh Pensyarah Techno Huffaz Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA)** meraih pingat emas dan dinobatkan sebagai penerima **Anugerah Khas iSWAJ *Special Award: Kategori Innovation of Islamic and Science*** daripada UTHM sempena pertandingan PERISA 2023.

51. Tahniah dan syabas warga kerja dan Akademia POLYCC yang sama-sama memacu keunggulan TVET.

### **Pencapaian Kerjasama Bersinergi dengan Pemegang Taruh**

Tuan-tuan dan Puan-puan,

52. Secara peribadi, saya mewakili warga JPPKK merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan industri, badan profesional, agensi, masyarakat serta pelbagai pemegang taruh kerana meletakkan kepercayaan kepada POLYCC.

53. Saya sangat terharu dan gembira apabila institusi TVET kita mula mendapat perhatian pelbagai pihak di peringkat nasional malahan serantau.

54. Dalam usaha menghasilkan tenaga kerja mahir negara, bersama-sama dengan kita hampir **19,000 industri** sentiasa menyokong malah menjadikan POLYCC sebagai rakan strategik utama.
55. Alhamdulillah, hasil Persidangan Meja Bulat YB Menteri Pendidikan Tinggi bersama Majlis Penasihat Industri Politeknik 2023 yang dipengerusikan oleh **Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Sufri bin Haji Mohd Zin**, banyak isu dan cadangan telah mencapai kata sepakat dan permuafakatan.
56. **20 barisan kepimpinan Ahli Majlis Penasihat Industri atau Ketua Industri (*Captains of Industry*)** menyambut baik **dua (2) hasrat utama** kementerian iaitu;
- Sasaran 95 peratus graduan politeknik mendapat pekerjaan selepas enam (6) bulan tamat pengajian dan peningkatan peratusan graduan memperoleh pendapatan progresif.
57. Sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan strategik yang sentiasa bersama POLYCC antaranya Telekom Malaysia (TM) Berhad, Maybank, PKT Logistics Group Sdn. Bhd., PETRONAS, Samsung, HRD Corp, Seikou Systec Sdn. Bhd., CyberSecurity Malaysia,

Pelabuhan Tanjung Pelepas dan banyak lagi.

58. Sesungguhnya jaringan yang erat lagi bermakna ini mengupaya warga POLYCC terus yakin memacu lebih radikal dan progresif agenda besar negara. Insya-Allah.

### **Pencapaian Penyelidikan dan Inovasi sebagai *Solution Provider***

Warga POLYCC yang saya hormati,

59. Usaha membudaya penyelidikan dan inovasi yang menyumbang kepada solusi industri dan komuniti menampakkan hasil signifikan. Saya gambarkan ianya berada di fasa pertengahan.
60. Namun, terdapat anjakan baharu pada tahun lalu memberi impak secara tidak langsung di peringkat dalaman dan juga kepada industri serta komuniti.
61. Penubuhan ***Innovation and Commercialisation Centre (ICC)*** sebagai bukti kita serius meneroka solusi yang *tangible* ke arah memperkukuh ekosistem penyelidikan dan inovasi.

62. Di sini, saya kongsi **Pencapaian Penyelidikan dan Inovasi POLYCC sebagai *Solution Provider*** kepada industri dan komuniti iaitu;

- i) **Pencapaian Pertama;** Pengkomersialan produk antaranya Education Board Game-HiREG 2.0, Circuit Assembly Aid, McLiva Rejuvenating Drink dan produk Skincare SeriMas dan B'Fresh.
- ii) **Pencapaian Kedua;** Penyelidikan melalui Penganjuran TVET Symposium "*Pandemic Aftermath: Disability Inclusion and Equitable Quality Education in TVET Ecosystem*" bersama Universiti Sains Malaysia (USM) bertujuan mengkaji pemulihan kesaksamaan dan kualiti golongan rentan.
- iii) **Pencapaian Ketiga;** sebanyak 394 produk memenangi pingat emas telah dikenal pasti berpotensi untuk dikomersialkan semasa penganjuran iCompEx dan PERISA 2023.

63. Semoga pencapaian ini mendorong kita untuk sama-sama mencari pendekatan atau strategi baharu dan jalan keluar kepada pelbagai dilema dan enigma lokaliti. Insya-Allah.

## ASPIRASI TAHUN 2024

Tuan-tuan dan Puan-puan serta warga POLYCC yang saya hormati,

64. Merencana hala tuju TVET POLYCC 2024 memerlukan iltizam dan tekad semua pihak dalam pelbagai sudut dan cara.
65. Kerana kita diamanahkan memikul tugas mendidik dan membentuk anak bangsa yang bermanfaat kepada agama, bangsa dan negara.
66. Maka, aspirasi tahun 2024 “**POLYCC Pemacu Tenaga Mahir Negara**” adalah tanggungjawab untuk dipikul bersama.
67. Semua ini adalah kerana masyarakat meletakkan pendidikan tinggi adalah jawapan kepada masa depan yang lebih baik.

Hadirin sekalian,

68. Semasa penyampaian Landasan Hala Tuju Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) 2024 oleh Yang Berhormat

Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi baru-baru ini, terdapat **lima (5) fokus utama** yang ditetapkan iaitu;

- Pertama** : Penyediaan Bakat Terbaik Negara;
- Kedua** : Pengukuhan Ekosistem Penyelidikan dan Inovasi;
- Ketiga** : Pelaksanaan Pendekatan Baharu Program Pemindahan dan Perkongsian Ilmu;
- Keempat** : Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi; dan
- Kelima** : Pemantapan Ekosistem Pemboleh Daya.

69. Bagi merealisasikan kesemua lima (5) fokus tersebut, sebanyak **20 landasan** yang digariskan. Sudah pastinya POLYCC menyambut baik usaha tersebut ke arah peningkatan prestasi kecemerlangan pendidikan tinggi negara.

70. Rantaian itu, aspirasi 2024 saya untuk kita realisasi bersama adalah dengan memulakan **lima (5) fokus** iaitu;

- Pertama** : Memperkasa Kompetensi Berasaskan Industri;
- Kedua** : Meneroka *Translational Research*;

**Ketiga** : Memperhebat Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH);

**Keempat** : Mempergiat Pengantarabangsaan; dan

**Kelima** : Mengupayakan Ekosistem Pembolehubah Daya TVET POLYCC.

71. Bagi merealisasikan 5 (lima) fokus tersebut, sebanyak **11 keutamaan** yang akan direncanakan secara jelas dan strategik. Insya-Allah.

### **Fokus Pertama: Memperkasa Kompetensi Berasaskan Industri**

Saudara-saudara yang saya hormati,

72. Untuk mencapai sasaran memperlengkapkan graduan POLYCC dengan set kemahiran dan kompetensi terkini yang diperlukan oleh industri, fokus pertama ini akan direncana melalui **empat (4) keutamaan iaitu;**

- i) *Work-Based Learning* (WBL) dan *Structured Internship Programme* (SIP);
- ii) *Reskilling and Upskilling* Pekerja Industri;
- iii) Kemahiran Industri Pensyarah; dan
- iv) Pembentukan Atribut Pelajar.



73. Saya percaya, kita sudah cukup berpengalaman dalam mengendalikan WBL yang mana penawaran tujuh (7) program peringkat ijazah sarjana muda dan tujuh (7) program peringkat diploma bagi mod WBL dilaksanakan dengan jayanya.
74. Begitu juga *Structured Internship Programme (SIP)*, sehingga kini politeknik telah bekerjasama dengan **25 industri** bagi menjalankan SIP. Seramai **6,142 graduan** telah menyertai program ini dan **1,673 orang** daripadanya telah ditawarkan bekerja.
75. Dengan itu, sasaran pada tahun ini kita mahukan lebih banyak penglibatan industri dalam pelaksanaan WBL dan SIP ini.
76. Manakala ***Reskilling and Upskilling Pekerja Industri*** akan diperluas bagi meningkatkan kemahiran serta kompetensi pekerja industri. Terutamanya dalam aspek-aspek yang dilihat ketinggalan susulan revolusi serta anjakan teknologi.
77. Rancangan penubuhan dan pengoperasian ***Reskilling and Upskilling Centre (RUC)*** di **16 buah politeknik** perlu diteliti supaya peranannya lebih jelas. RUC bakal

menawarkan pakej program latihan kepada pihak industri menggunakan pendekatan ***Time Sector Privatisation (TSP)***.

78. Projek rintis RUC bakal melibatkan seramai **3,000 pekerja industri yang akan dilatih secara berperingkat.**

### **Kemahiran Industri Pensyarah**

79. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan tahap kesediaan POLYCC berupaya untuk melatih pekerja industri dan masyarakat, tenaga pengajar selaku figura intelek harus diberi kemahiran dan penguasaan bidang.
80. Pendedahan amalan dan praktis sebenar industri diterapkan melalui kepelbagaian **program latihan dan pensijilan profesional yang berorientasikan industri.**
81. Kesiapsiagaan akademia POLYCC dengan memiliki kemahiran setara pakar-pakar industri bagi menangani jurang kemahiran antara institusi pendidikan dan industri ke arah menyediakan bakat masa hadapan.

82. Dengan itu, kita telah menerima peruntukan sebanyak RM6 juta bagi membolehkan tenaga pengajar POLYCC sedia ada mengikuti dan mendapatkan sijil-sijil profesional sekali gus meningkatkan ilmu, kepakaran serta pengalaman mereka.
83. Oleh itu, dengan terlatihnya tenaga pengajar POLYCC setaraf kemahiran pakar industri, diharap kepakaran tersebut dapat disumbangkan untuk memberi **nilai tambah kurikulum sedia ada** ke arah menyediakan graduan berkemahiran tinggi dan memiliki ciri-ciri *employability*. Kita perlu berlari mengejar peredaran teknologi yang semakin pantas!

### **Pembentukan Atribut Pelajar**

84. Secara asasnya, pembentukan atribut pelajar mesti dilihat konteks lebih besar. Apatah lagi apabila generasi sekarang telah menjadi *digital natives*.
85. Kita perlu memudah cara membantu kedewasaan mereka dengan lebih banyak pilihan tetapi mampu berhadapan dengan tanggungjawab.

86. Justeru itu, saya sarankan perbanyakkan meneroka minat diri pelajar yang menyumbang kepada masyarakat melalui program kesukarelawanan mahupun keusahawanan sosial. Kerana semua itu akan membentuk jati diri dalam kehidupan mereka.

Hadirin yang dihormati,

### **Kedua : Meneroka *Translational Research***

Hadirin sekalian,

87. Kita berhadapan dengan segala perubahan dan memandang serius keperluan pendigitalan dan adaptasi teknologi terkini seperti *Artificial Intelligence (AI)*, *Internet of Things (IoT)*, *Cloud Computing and Big Data Analytics*, *Blockchain*, *Augmented Reality (AR)* dan sebagainya.
88. Justeru, peruntukan sebanyak RM2 juta khusus untuk tujuan kajian serta penyelidikan TVET akan membantu melancar serta mengoptimumkan proses peralihan dan adaptasi teknologi sama ada di politeknik mahupun kolej komuniti.
89. Kita mahu pengajian POLYCC bersifat futuristik, dipacu teknologi dan menjadi destinasi pengajian TVET pilihan

utama yang menarik.

### **Ketiga : Memperhebat Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)**

90. Harapan kita, selepas ini sesiapa sahaja tanpa mengira latar usia dan peringkat pengajian akan berpeluang menyertai program pengajian TVET.
91. Justeru, pemeraksanaan kolej komuniti melalui Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) akan diperhebat melalui penawaran pelbagai program *microcredentials* bersifat jangka pendek bagi membolehkan sesiapa sahaja di luar sana menambah kelayakan diri.
92. Insya-Allah, program *microcredentials* bermula sebagai projek rintis di Johor dan kita akan memperluas serta mempelbagaikan program *microcredentials* di politeknik dan kolej komuniti yang lain.
93. Selain itu, rancangan penubuhan **Pusat Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL) A di Politeknik Ungku Omar (PUO)** akan memperhebat lagi usaha menaik taraf PSH.

## Keempat : Mempergiat Pengantarabangsaan

Tuan-tuan dan Puan-Puan,

94. Ekosistem di politeknik juga perlu selari dengan iklim TVET di peringkat global.
95. Inisiatif seterusnya adalah politeknik perlu bekerjasama dengan pakar-pakar industri dalam memposisikan jenama TVET di Malaysia terus diiktiraf oleh badan-badan penarafan global dan mengupayakan graduan TVET kita mendapat tempat pasaran kerja.
96. Maka, pelaksanaan **Program Mobiliti (*Inbound*)** adalah perlu dipertingkatkan untuk menambah baik pengurusan pelajar antarabangsa di politeknik.
97. Selain itu, kita akan mengkaji dan membuat *benchmarking* seperti Program *Ausbildung* di Jerman dan meneroka kursus-kursus jangka pendek yang dilaksanakan di Jepun bagi mengukuhkan hubungan di peringkat antarabangsa.
98. Untuk makluman, terdapat negara-negara lain yang turut terlibat dengan kolaborasi strategik pengantarabangsaan

TVET POLYCC seperti Turkiye dan Indonesia.

99. Malah saya mahukan program kerjasama di peringkat antarabangsa terus diperkasa dengan mengambil contoh terbaik daripada *Korea Research Institute for Vocational Education and Training* (KRIVET) supaya tenaga pengajar atau pelajar POLYCC berpeluang menjalani latihan kompetensi dalam bidang tertentu.
100. Inisiatif ini adalah selari dengan usaha KPT untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi serantau dan global yang menarik.

### **Kelima: Mengupaya Ekosistem Pemboleh Daya TVET**

Hadirin sekalian,

101. Fokus kelima iaitu Mengupaya Ekosistem Pemboleh Daya TVET adalah sangat penting untuk tadbir urus yang cekap dan efisien melalui autonomi yang terarah. Justeru, sebagai langkah permulaan, Jabatan sedang membangunkan beberapa model untuk draf Rang Undang-Undang (RUU) bagi politeknik dan kolej komuniti.

102. Untuk makluman, cadangan ini telah dibentangkan kepada Pengurusan Tertinggi KPT dan seterusnya akan diangkat ke kabinet setelah dimuktamadkan dengan jelas. Insya-Allah.
103. Selain itu, keutamaan untuk mempraktikkan *Lean Based Quality Management System*. Ini penting supaya sistem pengurusan dan pengoperasian kita lebih cekap dan berkesan.
104. Kita tidak boleh bekerja secara biasa-biasa lagi, mesti proaktif dan responsif kerana kita berhadapan dengan cabaran dan tuntutan baharu. Jadi amat penting untuk cara kerja kita berubah. Yang salah kita baiki, yang baik kita jayakan.
105. Dalam fokus kelima ini, isu berkenaan fasiliti usang juga kita akan beri penekanan sewajarnya. Kerana semuanya adalah untuk memastikan fasiliti POLYCC lebih kondusif dan selamat.
106. Dengan itu, peruntukan sebanyak RM30 juta yang bakal kita terima pada tahun ini, saya sarankan politeknik dan kolej komuniti memberi keutamaan kepada keperluan memulih, menyenggara bangunan serta kemudahan



sedia ada seperti bilik kuliah, makmal, asrama dan lain-lain lagi supaya semua warga berasa selesa seterusnya dapat memperkukuhkan kualiti dan standard pendidikan tinggi negara.

Hadirin warga POLYCC yang dikasihi sekalian,

107. Sesungguhnya saya tidak menafikan, kita memikul tanggungjawab yang besar bagi merealisasi dan menterjemah agenda TVET negara.
108. Justeru, kekuatan mental dan jasmani merupakan aspek penting terutamanya dalam era pasca pandemik.
109. Dengan keprihatinan ini, aspek kesihatan perlu dititikberatkan. Jika sebelum ini saya menyarankan 3K iaitu Kebajikan, Keharmonian dan Keberkatan, namun satu lagi elemen K iaitu kesihatan tidak harus kita abaikan.
110. Saya menyeru seluruh warga POLYCC untuk mengamalkan gaya hidup sihat kerana tubuh badan kita adalah amanah yang perlu dipelihara untuk dijaga sebaiknya.

111. Amalkanlah “*work life balance*”.
112. Ibnu Majah telah meriwayatkan sepotong hadis Rasulullah S.A.W, “*Adalah kesihatan itu bagi orang yang bertakwa lebih baik daripada harta kekayaan dan kebahagiaan jiwa itu adalah sebahagian daripada kenikmatan.*”

### **PENUTUP BICARA**

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,

113. Sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh warga POLYCC.
114. Saya juga ingin menzahirkan jutaan terima kasih kepada urus setia yang penuh dedikasi dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam merealisasikan majlis ini.
115. Dan setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada semua bakal penerima *Anugerah Kecemerlangan POLYCC (AKPOLYCC) 2023 Kali Ke-2* sebentar nanti.

116. Akhir kalam, saya ingin menyeru kepada semua warga POLYCC untuk bekerja sepasukan dengan sepenuh hati. Laksanakan tugas tanpa tapi, lakukan tanpa nanti.
117. Yakin dan percayalah dengan semangat kerjasama 3C iaitu **collaboration**, **co-operation** dan **co-ordination** menjadi akar umbi mencapai hasrat yang diinginkan.
118. *“If you want to go fast, go alone. If you want to go far, go together”*.
119. Semoga ianya menjadi pemangkin untuk terus memberi bakti dan khidmat terbaik tanpa rasa jemu.
120. Wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh. Sekian, terima kasih.

---

Kemas kini : **23 Januari 2024**